

B U K U P A N D U A N

KELUARGA

B U K U P A N D U A N

KELUARGA

Diterbit oleh
Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir
Salt Lake City, Utah

**For Non-Muslim
For Church use only
Not for sale**

© 1994, 1999, 2001 oleh Intellectual Reserve, Inc.
Hak cipta terpelihara
Dicetak di Amerika Syarikat

Kelulusan bahasa Inggeris: 2/06
Kelulusan Penterjemahan: 2/06
Penterjemahan *Family Guidebook*
Malay
31180 348

Kandungan

Keluarga: Suatu Pengisytiharan kepada Dunia	vi
Organisasi dan Tujuan Keluarga	1
Mengajar Injil di dalam Rumah	4
Memenuhi Tanggungjawab-tanggungjawab Keluarga	12
Latihan Kepimpinan	15
Mengadakan Upacara Penyembahan di Rumah (Bagi Keluarga yang tinggal di Kawasan yang Terpencil)	16
Tatacara-tatacara Imamat dan Pemberkatan	18
Memperolehi Bahan-bahan Gereja dan Menempatkan maklumat tentang Sejarah Keluarga	26

Keluarga: Suatu Pengisytiharan kepada Dunia

Dalam tahun 1995, Presidensi Utama dan Kuorum Dua Belas Rasul telah mengeluarkan “Keluarga: Suatu Pengisytiharan kepada Dunia.” Pengisytiharan ini adalah sebuah pengisytiharan dan pengesahan ajaran-ajaran dan amalan yang telah berulang kali dinyatakan oleh para nabi sepanjang sejarah Gereja ini. Ia mengandungi asas-asas yang penting bagi kebahagiaan dan kesejahteraan setiap keluarga. Ahli-ahli keluarga harus mempelajari pengisytiharan tersebut dan harus hidup menurut perintah-perintahnya.

“Kami, Presidensi Utama dan Majlis Dua Belas Rasul dari Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir, dengan sungguh-sungguh mengisytiharkan bahawa perkahwinan antara seorang lelaki dan seorang perempuan ditahbiskan oleh Tuhan dan bahawa keluarga adalah utama di dalam rancangan Pencipta demi takdir ilahi yang abadi bagi anak-anak-Nya.

“Semua insan—lelaki dan perempuan—dicipta untuk menyerupai Tuhan. Setiap insan adalah anak rohani lelaki atau anak rohani perempuan kepada ibu bapa syurgawi, dan, oleh demikian, masing-masing mempunyai sifat dan takdir ilahi. Jantina merupakan sifat yang asas untuk identiti dan tujuan prafana, fana, dan abadi seseorang.

“Di alam prafana, anak-anak rohani lelaki dan perempuan mengenali dan menyembah Tuhan sebagai Bapa Abadi mereka dan menerima rancangan-Nya di mana melaluinya mereka dapat memperoleh suatu tubuh fizikal serta mendapat pengalaman duniawi untuk maju menuju kesempurnaan dan pada akhirnya mencapai takdir mereka sebagai waris kepada kehidupan abadi. Rancangan kegembiraan ilahi, membolehkan hubungan keluarga diteruskan selepas kematian. Tatacara-tatacara dan perjanjian-perjanjian yang sedia ada di rumah Tuhan yang kudus memungkinkan setiap orang kembali ke hadirat Tuhan dan

membolehkan keluarga-keluarga disatukan secara abadi.

“Perintah pertama yang Tuhan berikan kepada Adam dan Hawa berkaitan dengan kemungkinan mereka mencapai keibu-bapaan sebagai suami dan isteri. Kami mengisytiharkan bahawa perintah Tuhan kepada anak-anak-Nya untuk beranak dan memenuhi bumi ini masih berkuatkuasa. Kami mengisytiharkan lagi bahawa Tuhan telah memerintahkan bahawa kuasa melahirkan anak yang kudus ini hanya dilakukan di antara lelaki dan perempuan, setelah sah dikahwinkan sebagai suami dan isteri.

“Kami mengisytiharkan bahawa cara dengan mana kehidupan fana dicipta adalah ditetapkan oleh Tuhan. Kami menegaskan kesucian kehidupan dan kepentingannya di dalam rancangan kekal Tuhan.

“Suami dan isteri mempunyai tanggungjawab yang mustahak untuk menyayangi serta menjaga satu sama lain dan anak-anak mereka. “Anak-anak adalah suatu warisan Tuhan” (Mazmur 127:3). Ibu bapa mempunyai tugas yang kudus untuk membesarkan anak-anak mereka dengan kasih sayang dan kesolehan, menafkahi mereka dari segi keperluan fizikal mahupun keperluan rohani mereka, dan mengajar mereka untuk menyayangi serta melayani satu sama lain, mentaati perintah-perintah Tuhan

dan menjadi warganegara yang mematuhi undang-undang di mana-mana pun mereka hidup. Para suami dan para isteri—para ibu dan para bapa—akan dipertanggungjawabkan di hadapan Tuhan untuk menjalankan kewajipan-kewajipan ini.

“Keluarga ditahbiskan oleh Tuhan. Perkahwinan di antara lelaki dan perempuan adalah penting bagi rancangan abadi-Nya. Anak-anak berhak dilahirkan di dalam ikatan perkahwinan dan dibesarkan oleh seorang bapa dan seorang ibu yang meluluskan ikrar perkahwinan dengan kesetiaan yang mutlak. Kegembiraan dalam kehidupan kekeluargaan adalah paling mungkin dicapai apabila berasaskan ajaran Tuhan Yesus Kristus. Perkahwinan-perkahwinan dan keluarga-keluarga yang berjaya didirikan dan dikekalkan atas asas-asas iman, doa, pertaubatan, pengampunan, hormat, kasih sayang, belas kasihan, kerja, dan kegiatan rekreasi yang baik dan sihat. Menurut tujuan Tuhan, para bapa patut mengetuai keluarga mereka dengan kasih sayang dan kesolehan, dan bertanggungjawab menafkahi keperluan kehidupan dan memberi perlindungan bagi keluarga mereka. Para ibu terutamanya bertanggungjawab bagi pemeliharaan anak-anak mereka. Di dalam

tanggungjawab-tanggungjawab yang suci ini, para bapa dan para ibu diwajibkan membantu satu sama lain sebagai ahli pasangan yang setaraf. Ketidakupayaan, kematian, atau keadaan-keadaan lain barangkali memerlukan penyesuaian tersendiri. Keluarga-keluarga terdekat harus memberi sokongan apabila perlu.

“Kami memberi amaran bahawa orang yang melanggar perjanjian-perjanjian kemurnian akhlak, yang mendera isteri atau suami atau anak-anak, atau gagal memenuhi kewajipan-kewajipan kekeluargaan akan pada suatu hari dipertanggungjawabkan di hadapan Tuhan. Seterusnya, kami memberi amaran bahawa pemecahan keluarga akan mendatangkan bencana ke atas individu-individu, komuniti-komuniti, dan negara-negara seperti yang diramalkan oleh nabi-nabi kuno mahupun kini.

“Kami memanggil warganegara-warganegara dan pegawai-pegawai kerajaan yang bertanggungjawab di merata tempat untuk menyokong dan menggalakkan langkah-langkah yang dicipta dengan tujuan mengekalkan serta menguatkan keluarga sebagai unit asas masyarakat.” (*Ensign*, Nov. 1995, 102).

Organisasi dan Tujuan Keluarga



Organisasi



Keluarga adalah kudus di dalam Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir dan merupakan unit sosial yang paling penting sekarang dan selamanya. Tuhan telah membina para keluarga untuk mendatangkan kebahagiaan kepada anak-anak-Nya, membiarkan mereka mempelajari asas-asas yang betul di dalam suasana yang penuh kasih sayang, dan

mempersiapkan mereka untuk kehidupan abadi.

Rumah adalah tempat yang terbaik untuk mengajar, belajar, dan mengaplikasikan asas-asas injil. Disinilah tempat para individu belajar untuk menyediakan makanan, pakaian, tempat perlindungan, dan keperluan-keperluan lain yang mereka perlukan. Bapa dan ibu, sebagai pasangan yang setaraf, harus membantu setiap ahli keluarga.

- Mencari kebenaran dan membangun iman kepada Tuhan.
- Bertaubat akan dosa, dibaptiskan untuk pengampunan dosa, menjadi ahli Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir, dan menerima Roh Kudus.
- Mematuhi perintah-perintah Tuhan, mempelajari tulisan suci dengan tekun, berdoa peribadi setiap hari, dan melayani orang lain.

- Berkongsi injil dengan orang lain.
- Menerima anugerahan dan dikahwinkan di bait suci kepada seorang pasangan yang layak untuk selamanya, mencipta sebuah rumah yang bahagia untuk keluarga, dan menyokong keluarga dengan kasih sayang dan pengorbanan.



- Mencari maklumat untuk nenek moyang yang sudah meninggal dan menjalankan tatacara-tatacara bait suci untuk mereka.



- Menyediakan didikan yang diperlukan untuk kesihatan rohani, sosial, jasmani dan emosi.

Bapa mengetuai keluarga dan bertanggungjawab untuk mengajar anak-anak dan menyediakan keperluan-keperluan hidup bagi keluarganya. Seorang bapa yang layak dan bersedia di dalam Gereja mempunyai peluang untuk memegang imamat, iaitu kuasa dan kewenangan untuk bertindak di dalam nama Tuhan. Dengan kuasa dan kewenangan ini, bapa menjadi ketua

imamat di dalam keluarganya. Dia memimpin keluarganya dalam persediaan untuk kembali ke dalam hadirat Bapa Syurgawi kita. Isterinya merupakan pasangan, teman, dan penasihatnya yang paling penting. Suami dan isteri harus berbincang bersama dalam semua hal yang melibatkan keluarga dan rumah tangga.

Si bapa harus menyediakan keperluan-keperluan rohani bagi keluarganya. Dia harus memastikan bahawa mereka diajar injil Yesus Kristus dan melakukan semua yang dia mampu untuk mendorong mereka dan membantu mereka untuk mematuhi perintah-perintah Tuhan.

Seorang bapa yang memegang imamat boleh memberkati ahli-ahli keluarganya dan menyediakan keperluan rohani mereka. Dengan kewenangan daripada imamat yang sesuai dan *dengan kebenaran daripada pemimpin imamatnya*, bapa boleh:

1. Menamakan dan memberkati anak
2. Membaptiskan anak (dan orang lain)
3. Menetapkan anak (dan orang lain) menjadi ahli Gereja dan menganugerahkan Roh Kudus kepada mereka.
4. Menganugerahkan imamat kepada anak-anak lelaki (dan orang lain) dan mentahbiskan mereka dalam jawatan-jawatan imamat.
5. Memberkati dan menyerahkan sakramen.
6. Membaktikan kuburan.

Tanpa kebenaran daripada pemimpin imamatnya, seorang bapa yang memegang Imamat Melkisedek boleh menyucikan minyak dan memberkati ahli-ahli keluarganya dan orang lain apabila mereka sakit dan memberikan

berkat-berkat yang istimewa pada masa lain yang memerlukan. (Lihat muka surat 18–25 di dalam buku panduan ini untuk tunjuk ajar dalam melakukan tatacara imamat dan pemberkatan).

Bapa harus memastikan keluarganya terlibat dengan aktif di dalam tiga tanggungjawab yang asas:

1. Persediaan peribadi dan keluarga secara rohani dan jasmani.
2. Berkongsi injil.
3. Sejarah keluarga dan tatacara-tatacara bait suci bagi yang hidup dan mati.

Ibu merupakan pasangan yang setaraf dan penasihat kepada suaminya. Dia membantu suami mengajar anak-anak mereka perintah-perintah Tuhan. Jika bapa tidak ada di rumah, ibu akan mengetuai keluarga.

Ibu dan bapa mesti bersatu di dalam tujuan. Matlamat mereka haruslah menyediakan semua ahli keluarga untuk kembali kepada Bapa Syurgawi. Mereka harus bersatu dalam usaha mereka mencapai matlamat ini. Tuhan telah membina Gereja ini untuk membantu para bapa dan para ibu untuk mengajar dan menjaga keluarga mereka.

Apabila anak-anak datang ke dalam keluarga, ibu bapa harus menyayangi mereka, mengajar mereka kebenaran injil dan menjadi teladan kehidupan yang soleh. Anak-anak harus belajar dan mematuhi perintah-perintah Tuhan. Mereka harus menghormati dan mentaati ibu bapa mereka.

Kekuatan Gereja bergantung kepada para keluarga dan individu yang hidup menurut

injil Yesus Kristus. Sejauh mana sesebuah keluarga itu menikmati berkat-berkat injil, sebahagian besarnya bergantung pada bagaimana bapa dan ibu memahami dan menjalankan tugas-tugas asas mereka sebagai ibu bapa. Gereja tidak pernah bertujuan untuk memberikan program atau tanggungjawab-tanggungjawab kepada para ibu bapa yang akan menguasai atau menggagalkan mereka atau menyebabkan mereka mengabaikan tugas yang asas ini.

Tujuan

Kerana Bapa Syurgawi kita menyayangi kita, Dia mahu kita dimuliakan seperti Dia. Bagi membantu kita, Dia telah memberikan kita sebuah rancangan untuk diikuti berlandaskan perintah-perintah ilahi yang benar. Mereka yang mempelajari rancangan itu dan menurutnya dengan iman, suatu hari nanti akan dapat menjadi seperti Bapa Di Syurga dan menikmati kehidupan seperti-Nya.

Sebahagian daripada rancangan itu adalah kita meninggalkan syurga dan datang ke bumi. Di sini kita menerima tubuh jasmani, belajar melalui pengalaman, dan membuktikan diri kita layak untuk tinggal di dalam hadirat Tuhan lagi. Kita membuktikan diri kita layak dengan bebas memilih untuk mematuhi perintah-perintahnya. (Lihat Abraham 3:23–25; 2 Nefi 2:27.)

Bagi membantu kita menyediakan diri kita untuk tinggal bersama-Nya, Bapa Syurgawi telah mengaturkan kita ke dalam keluarga. Melalui tatacara-tatacara dan perjanjian yang kudus, keluarga kita boleh disatukan secara abadi.

Mengajar Injil di dalam Rumah



Mengajar Anak-anak dengan Kebaikan dan Kasih Sayang

Tuhan telah memerintahkan ibu bapa untuk mengajarkan injil kepada anak-anak mereka. Dia berfirman:

“Dan lagi, sejauh orang tua memiliki anak-anak di Sion, atau di mana pun dari pancang-pancangnya yang diorganisasi, yang tidak mengajari mereka untuk mengerti ajaran tentang pertaubatan, iman kepada Kristus Putera Tuhan yang hidup, dan tentang pembaptisan dan kurnia Roh Kudus melalui perletakan tangan, ketika berumur lapan tahun, dosa itu berada di atas kepala orang tua.

“Kerana ini akan menjadi sebuah hukum bagi penghuni Sion, atau di mana pun dari pasak-pasaknya yang diorganisasi.

“Dan anak-anak mereka hendaknya dibaptis untuk pengampunan akan dosa-dosa mereka ketika berumur lapan tahun, dan menerima perletakan tangan.

“Dan mereka hendaknya juga mengajari anak-anak mereka untuk berdoa, dan untuk berjalan dengan lurus di hadapan Tuhan.” (A&P 68:25-28).

Ibu bapa harus mengajar dengan kebaikan dan kasih sayang, mengingat ajaran Rasul Paulus untuk “didiklah [anak-anak mereka] di dalam ajaran dan nasihat Tuhan” (Efesus 6:4).

Pembelajaran Tulisan Suci dengan Keluarga

Kita dapat menjadi seperti Bapa Syurgawi dan menikmati kehidupan seperti-Nya hanya dengan mematuhi perintah-perintah

dimana berkat-berkat itu telah dilandaskan (Lihat A&P 130:20–21). Sebelum kita dapat hidup menurut perintah-perintah tersebut, kita mesti mengetahui apakah ia. “Tidaklah mungkin bagi seseorang untuk diselamatkan dalam ketidaktahuan (A&P 131:6).

Yesus Kristus adalah ketua dan pemberi perintah kepada kita. Dia mengetahui cara dan perintah-perintah yang mesti kita patuhi, dan Dia telah mengundang setiap kita untuk mengikut-Nya. Dia berfirman, “Akulah jalan, kebenaran dan hidup: tidak ada seorang pun datang kepada Bapa, kalau tidak melalui Aku” (Yohanes 14:6). Untuk menjadi seperti Bapa Syurgawi dan kembali kepada-Nya, kita mesti belajar ajaran-ajaran Yesus dan menurutinya. Kita mempunyai tulisan-tulisan suci untuk membantu kita belajar tentang kehidupan, ajaran dan perintah-perintah Yesus Kristus.

Empat buah buku yang diterima oleh Gereja sebagai tulisan suci adalah Alkitab, Kitab Mormon, Ajaran dan Perjanjian, dan Mutiara yang Sangat Berharga. Semuanya menjelaskan tentang perintah-perintah injil dan standard supaya kita boleh mengukur segala pemikiran, perlakuan, dan ajaran. Semuanya membantu kita belajar tentang kehidupan dan ajaran Yesus Kristus dan memberikan teladan orang-orang yang mempunyai iman kepada Tuhan dan telah mematuhi perintah-perintah-Nya.

Yesus telah mengajar kita untuk menyelidiki dan mempelajari tulisan suci (Lihat Yohanes 5:39; 3 Nefi 23:1; A&P 88:118).

Para keluarga harus mempelajari tulisan suci bersama selalu untuk belajar dan mengikut ajaran-ajaran Tuhan. Ibu bapa harus mengumpulkan keluarga mereka bersama pada masa yang ditetapkan setiap hari untuk membaca dan membincangkan

tentang tulisan suci. Setiap ahli keluarga yang boleh membaca harus mempunyai peluang untuk membaca dari tulisan suci.



Salah seorang ahli keluarga boleh memberikan doa sebelum pembacaan tulisan suci dan meminta Bapa Syurgawi untuk memberkati setiap orang untuk memahami apa yang dibacakan dan mendapat kesaksian daripadanya. Para keluarga boleh mengadakan doa keluarga selepas pembacaan tulisan suci.

Apabila para keluarga membaca dan merenungkan tulisan suci, mereka akan lebih ingin menjadi seperti Juruselamat dan akan menemui kebahagiaan dan kedamaian yang lebih besar dalam kehidupan mereka.

Doa Individu dan Keluarga

Setiap daripada kita harus belajar untuk bercakap kepada Bapa kita di Syurga melalui doa. Dia menyayangi kita dan mahu kita bercakap kepada-Nya. Dia mahu kita untuk bersyukur kepada-Nya bagi berkat-berkat kita dan meminta pertolongan dan bimbingan-Nya. Dia akan membantu kita apabila kita meminta. Kebanyakan doa dilakukan dengan menundukkan kepala kita dan menutup mata sambil berlutut, duduk, atau berdiri.

Kita perlu ingat empat asas penting semasa kita berdoa:



1. Kita memulakan doa kita dengan berkata kepada Bapa di Syurga: "Bapa kami di Syurga . . ."
2. Kita berterima kasih kepada Bapa di Syurga untuk hal-hal yang diberikan kepada kita: " Kami berterima kasih kepada-Mu . . ."
3. Kita meminta pertolongan yang kita perlukan daripada-Nya: "Kami meminta daripada-Mu . . ."
4. Kita menutup doa kita di dalam nama Juruselamat: "Di dalam nama Yesus Kristus, amin."

Doa kita tidak selalunya harus mengikuti empat langkah ini, tetapi dengan mengingatnya akan membantu kita belajar untuk berdoa. Kita harus selalu memulakan dan menutup doa kita dengan langkah pertama dan terakhir tetapi apa yang kita katakan di tengah-tengah bergantung dengan apa yang kita rasakan adalah penting. Kadang-kadang kita mahu menggunakan kebanyakan masa doa kita untuk bersyukur kepada Bapa Syurgawi. Pada masa yang lain pula kita mungkin mahu menggunakan kebanyakan masa doa kita untuk meminta pertolongan-Nya.

Doa Individu

Setiap orang haruslah berdoa secara individu sekurang-kurangnya setiap pagi dan petang. Ibu bapa harus mengajar anak-anak mereka untuk melakukan doa peribadi mereka sebaik sahaja mereka mula pandai bercakap. Ibu bapa boleh mengajar anak-anak cara berdoa dengan berlutut bersama mereka dan membiarkan mereka mengulang sepatah demi sepatah perkataan. Tidak lama kemudian anak-anak akan dapat mengucapkan doa mereka sendiri.

Doa Keluarga

Setiap keluarga harus mempunyai doa keluarga selalu. Seluruh keluarga berlutut bersama, dan ketua keluarga berdoa atau menyuruh salah seorang ahli keluarga untuk berdoa. Setiap orang seharusnya mempunyai peluang untuk berdoa selalu. Anak-anak kecil boleh berdoa dengan bantuan ibu bapa mereka. Masa doa keluarga merupakan masa yang sangat sesuai untuk mengajar anak-anak untuk berdoa dan untuk mengajar asas-asas injil seperti beriman kepada Tuhan, kerendahan hati, dan kasih sayang.



Doa-doa Istimewa

Ibu bapa harus mengajar anak-anak mereka bahawa Tuhan selalu bersedia untuk mendengar doa-doa mereka. Sebagai tambahan kepada doa individu dan keluarga, mereka boleh berdoa pada bila-bila masa mereka memerlukan bantuan istimewa atau ingin meluahkan kesyukuran.

Memberkati Makanan

Para ibu bapa harus memastikan bahawa ahli-ahli keluarga belajar untuk bersyukur kepada Tuhan untuk makanan mereka dan meminta Dia untuk memberkatinya sebelum mereka makan. Setiap orang, termasuk anak-anak kecil, harus mengambil bahagian untuk memberkati makanan. Dengan berdoa untuk mendapatkan berkat ke atas makanan membantu ibu bapa dan anak-anak belajar untuk bersyukur kepada Bapa Syurgawi kita.



Malam Keluarga

Malam keluarga adalah untuk setiap orang, termasuk pasangan-pasangan yang baru berkahwin, ibu bapa dengan anak-anak, ibu bapa tunggal dengan anak-anak, ibu bapa yang tidak mempunyai anak di rumah, orang-orang bujang di dalam kumpulan malam keluarga, dan mereka yang tinggal berseorangan atau dengan teman sebilik. Setiap orang, dalam apa jua keadaan sekalipun,

akan diberkati dengan mengadakan malam keluarga. Gereja menetapkan malam Isnin bebas dari aktiviti-aktiviti yang lain supaya para keluarga boleh bersama untuk malam keluarga.



Presidensi Utama mengatakan: “ Kami menjanjikan anda berkat-berkat yang besar jika anda mengikuti ajaran Tuhan dan selalu mengadakan malam keluarga. Kami sentiasa berdoa agar para ibu bapa di Gereja akan menerima tanggungjawab mereka dan menjadi teladan asas-asas injil kepada anak-anak mereka. Semoga Tuhan memberkati anda untuk lebih tekun di dalam tanggungjawab yang sangat penting ini: (“Pesanan daripada Presidensi Utama, *“Family Home Evening Resource Book [1983], iv*).

Sebagai bapa bangsa di dalam keluarganya, bapa mengetuai malam keluarga. Apabila bapa tidak ada, ibu akan mengetuai. Ibu bapa akan mengacarakan atau memilih salah seorang ahli keluarga untuk mengacarakan malam keluarga. Mereka mengajar sebuah pengajaran atau menugaskan anak-anak yang sudah cukup umur untuk mengajar. Anak-anak yang lebih muda boleh membantu dalam mengiringi muzik, memetik tulisan suci, menjawab soalan, memegang gambar, menyerahkan makanan, dan berdoa.

Berikut adalah cadangan sebuah garis panduan untuk malam keluarga:

- Lagu pembukaan (oleh keluarga)
- Doa pembukaan (oleh ahli keluarga)
- Puisi atau pembacaan tulisan suci (oleh ahli keluarga)
- Pengajaran (oleh bapa, ibu, atau anak yang lebih tua)
- Aktiviti (diketuai oleh salah seorang ahli keluarga dan semua ahli keluarga mengambil bahagian)
- Lagu penutup (oleh ahli keluarga)
- Doa penutup (oleh ahli keluarga)
- Jamuan ringan

Sebuah keluarga boleh mengadakan malam keluarga dalam pelbagai cara yang lain. Apa-apa aktiviti yang merapatkan keluarga, menguatkan kasih sayang mereka antara satu sama lain, membantu mendekatkan mereka kepada Bapa Syurgawi, dan mendorong mereka untuk hidup dengan soleh boleh menjadi malam keluarga. Contoh aktiviti-aktiviti yang sebegitu termasuklah membaca tulisan suci, membincangkan tentang injil, berkongsi kesaksian, melakukan projek kerja amal, menyanyi bersama, pergi berkelah, bermain permainan keluarga, dan mendaki. Semua aktiviti malam keluarga haruslah melibatkan doa.

Pengajaran-pengajaran malam keluarga boleh berdasarkan tulisan suci; kata-kata nabi zaman kini, pesanan-pesanan khusus dari persidangan umum; dan pengalaman peribadi serta kesaksian. Kebanyakan pengajaran haruslah bertumpukan pada kelahiran, kehidupan, ajaran dan Korban Tebusan Juruselamat. *Asas-asas Injil, True to the Faith, For the Strength of Youth*, dan

majalah-majalah Gereja mengandungi artikel-artikel dan maklumat lain tentang banyak perkara yang boleh menjadi sebahagian dari pengajaran malam keluarga.

Cadangan tajuk-tajuk perbincangan untuk malam keluarga seperti berikut:

- Rancangan Penyelamatan
- Kehidupan dan ajaran-ajaran Yesus
- Pertaubatan
- Doa
- Puasa
- Kata-kata Bijaksana
- Standard moral Tuhan
- Makna sakramen
- Persepuluhan
- kesyukuran
- Kejujuran
- Ketakziman kepada Tuhan dan penghormatan terhadap ciptaan-Nya.
- Persediaan untuk pembaptisan, pentahbisan imamat, atau perkahwinan
- Persediaan untuk masuk ke bait suci
- Membaca tulisan suci
- Menguduskan hari Sabat.
- Memaafkan orang lain.
- Mendapatkan dan berkongsi kesaksian
- Berkongsi injil dengan orang lain
- Menyusun sejarah keluarga
- Memahami dan menerima kematian
- Menyelesaikan masalah-masalah keluarga
- Menguruskan kewangan keluarga

- Berkongsi kerja rumah dengan keluarga
- Menghargai dan menikmati muzik

Hari-hari Cuti dan Perayaan Istimewa

Hari-hari cuti dan perayaan istimewa, seperti Krismas; Paskah, ulang tahun pemulihan imam; persidangan-persidangan; keberangkatan salah seorang ahli keluarga ke misi; atau kelahiran, pembaptisan, atau pentahbisan salah seorang ahli keluarga, boleh menjadi peluang yang baik untuk mengajar kebenaran injil.

Persepuluhan dan Persembahan



Tuhan telah memerintahkan umatnya untuk mematuhi hukum persepuluhan dan layak untuk berkat-berkat yang dijanjikan (lihat Maleakhi 3:8–11).

Masa yang terbaik bagi ibu bapa untuk mengajar hukum persepuluhan dan persembahan adalah apabila mereka membayar persepuluhan mereka sendiri. Anak-anak akan terpengaruh dengan apa yang mereka lihat ibu bapa mereka lakukan. Anak-anak yang menerima elaun harus membayar persepuluhan. Setiap anak boleh mempunyai tiga bekas untuk duit: satu untuk

persepuluhan, satu untuk misi, dan satu untuk duit belanja. Setiap kali anak-anak menerima duit, mereka harus belajar untuk meletakkan sepuluh peratus ke dalam tabung persepuluhan dahulu, kemudian sejumlah wang ke dalam tabung misi dan bakinya ke dalam tabung duit belanja.

Apabila anak-anak membayar persepuluhan, ibu bapa harus mengajar mereka mengisi borang persepuluhan, memasukkannya ke dalam sampul bersama dengan duit, dan memberi atau menghantar sampul itu kepada salah seorang ahli keuskupan atau presidensi cabang. Para keluarga yang tinggal di kawasan yang terpencil haruslah memberikan persepuluhan kepada pemimpin imam yang ditetapkan.

Perbincangan Sewaktu Masa Makan

Masa makan boleh menjadi masa yang baik untuk bercakap tentang injil. Anak-anak kecil suka bertanya dan menjawab soalan-soalan injil. Apabila mereka tidak mengetahui jawapannya, bapa atau ibu boleh memberi jawapan yang mudah dan mengajar injil. Tidak semestinya setiap masa makan perlu melibatkan perbincangan injil, tetapi perbincangan dua atau tiga kali seminggu boleh membantu keluarga belajar tentang injil.

Cerita Masa Tidur

Kerana kebanyakan anak-anak menggemari cerita masa tidur, ia menyediakan peluang yang baik untuk mengajar injil dengan memberitahu atau membaca cerita-cerita dari tulisan suci, buku terbitan Gereja, atau pengalaman peribadi. Cerita-cerita tentang kejujuran, perkongsian, dan kebaikan mengajarkan asas-asas injil yang penting.

Bekerja Bersama



Banyak peluang untuk mengajar injil muncul apabila para keluarga bekerja bersama di rumah. Semasa membersihkan rumah atau bekerja di halaman rumah atau kebun, contohnya, para ibu bapa harus peka dengan peluang-peluang untuk bercakap tentang injil. Seorang anak kecil akan selalu bertanyakan soalan. Ibu bapa haruslah selalu mengambil masa untuk memberikan jawapan-jawapan yang mudah. Komen-komen seperti “Kamu ialah seorang pekerja yang baik. Saya pasti Bapa Syurgawi bangga dengan kamu” atau “Lihatlah awan-awan cantik yang Bapa Syurgawi telah ciptakan” dapat memberikan anak-anak perasaan bersyukur kepada Bapa Syurgawi kita dan suatu kepastian bahawa Dia adalah nyata.

Mesyuarat Keluarga

Ibu bapa boleh memanggil ahli-ahli keluarga bersama di dalam mesyuarat keluarga. Para keluarga boleh menggunakan mesyuarat ini untuk menetapkan matlamat-matlamat keluarga, menyelesaikan masalah keluarga, membincangkan tentang kewangan, membuat rancangan, menyokong dan menguatkan satu sama lain, memberikan kesaksian, dan berdoa untuk satu sama lain. Mesyuarat boleh diadakan bila-bila ia diperlukan. Ibu bapa

boleh mengadakan mesyuarat keluarga setiap Ahad ataupun bersama dengan malam keluarga. Menghormati pendapat dan perasaan orang lain adalah penting untuk kejayaan mesyuarat keluarga.



Temu Duga Peribadi

Banyak ibu bapa mendapati bahawa temu duga peribadi dengan setiap orang anak yang kerap membantu mereka untuk rapat dengan anak-anak mereka, mendorong mereka, dan mengajarkan injil kepada mereka. Temu duga tersebut boleh dilakukan secara rasmi atau tidak rasmi dan boleh diadakan selalu.



Ibu bapa harus meluahkan kasih sayang dan keyakinan kepada anak, dan anak harus mempunyai peluang untuk meluahkan

perasaannya tentang apa-apa hal, masalah, atau pengalaman. Ibu bapa harus mendengar dengan teliti dan mengambil kira masalah dan keyakinan anak dengan serius. Ibu bapa dan anak boleh berdoa bersama. Masalah-masalah yang timbul dari temu duga tersebut yang melibatkan ahli keluarga yang lain boleh diuruskan dalam malam keluarga yang seterusnya.

Aktiviti-aktiviti Keluarga

Ibu bapa haruslah selalu merancang masa untuk melakukan sesuatu bersama. Perkelahan, perkhemahan, projek-projek

keluarga, kerja rumah dan halaman, berenang, mendaki, dan menonton wayang yang baik dan hiburan yang lainnya adalah antara aktiviti yang boleh dinikmati bersama oleh para keluarga.

Sebuah keluarga yang menikmati aktiviti bersama-sama akan merasakan kasih sayang dan keharmonian yang besar. Anak-anak akan lebih mendengar ibu bapa mereka dan mematuhi nasihat mereka apabila mereka rapat dengan mereka. Ibu bapa akan dapat mengajarkan injil dengan lebih berkesan.



Memenuhi Tanggungjawab-tanggungjawab Keluarga



Misi Gereja Tuhan adalah untuk membantu semua orang datang kepada Kristus. Para keluarga boleh membantu mencapai misi apabila mereka:

1. Menyediakan keperluan rohani dan jasmani mereka sendiri dan membantu memenuhi keperluan orang lain.
2. Berkongsi injil dengan orang lain
3. Memastikan ahli-ahli keluarga menerima tatacara-tatacara bait suci dan membantu menyediakan berkat ini bagi nenek moyang mereka yang sudah meninggal.

Keperluan Rohani dan Jasmani

Keperluan Rohani

Bahagian yang sebelumnya dari buku panduan ini, "Mengajar Injil di dalam Rumah," mengandungi maklumat tentang

cara para keluarga boleh menyediakan keperluan rohani mereka.

Keperluan Jasmani

Para keluarga haruslah berdikari supaya mereka boleh menyediakan keperluan jasmani mereka dan membantu orang lain. Untuk menjadi berdikari, ahli-ahli keluarga haruslah mahu bekerja. Kerja adalah usaha jasmani, minda atau rohani. Ia adalah sumber kejayaan, kebahagiaan, harga diri, dan kemakmuran. Ibu bapa harus berusaha untuk menjadi berdikari dan mengajar anak-anak mereka yang sama. Dengan berdikari, dapat membolehkan mereka membantu orang yang memerlukan.

Para bapa bertanggungjawab untuk menyediakan keperluan hidup dan perlindungan kepada keluarga mereka. Para ibu terutamanya bertanggungjawab bagi pemeliharaan anak-anak mereka. Para ibu bapa memastikan keluarga mereka mempunyai

rumah yang bersih, makanan yang sehat, pakaian, penjagaan kesihatan badan dan gigi, peluang pendidikan, bimbingan dalam menguruskan sumber kewangan, dan, jika dapat, latihan cara menanam makanan mereka sendiri. Ibu bapa harus mengajar anak-anak mereka cara menyediakan makanan dan cara untuk mengawetnya untuk digunakan kemudian.

Para ibu bapa haruslah sanggup bekerja keras untuk menyediakan keperluan-keperluan jasmani ini. "Dan kamu tidak akan membiarkan anak-anakmu bahawa mereka lapar, atau telanjang" (Mosaia 4:14). Para ibu bapa harus merancang untuk menyediakan keperluan keluarga pada masa-masa sakit, bencana, pengangguran, atau masalah-masalah lain. Jika si bapa mempunyai masalah untuk menyediakan keperluan jasmani untuk keluarganya dan jika ahli keluarga yang lain tidak dapat membantu, dia boleh mendapatkan bantuan daripada para pemimpin imamat.

Anak-anak boleh membantu menyediakan keperluan jasmani keluarga mereka dengan membantu ibu bapa dengan pekerjaan mereka, belajar dengan baik di sekolah, menjaga pakaian dan harta benda milik mereka, menjaga kebersihan dan kekemasan diri dan rumah mereka, dan menjaga kesihatan dengan baik.

Para ahli keluarga harus memperbaiki kemampuan mereka untuk membaca, menulis, dan asas pengiraan dan harus mengambil kesempatan terhadap setiap peluang untuk menimba ilmu dan memajukan kemahiran. Mereka harus mematuhi Kata-kata Bijaksana dan memakan makanan yang sehat. Jika dapat, para keluarga harus menyimpan simpanan makanan selama setahun, atau sebanyak yang mungkin, barang-barang keperluan asas

untuk menampung kehidupan. Ahli-ahli keluarga harus menghindari hutang yang tidak diperlukan, menabung demi masa depan, menjalankan tugas-tugas mereka, dan menggunakan sumber-sumber mereka dengan bijak, mengelakkan pembaziran.

Para ibu bapa harus mengajar anak-anak mereka untuk berkongsi antara satu sama lain. Hampir setiap orang dapat memberikan sesuatu, walaupun mereka kekurangan. Salah satu cara untuk membantu mereka yang memerlukan adalah dengan berpuasa setiap bulan dan menyumbang kepada sumbangan puasa, yang digunakan untuk memberi makan kepada mereka yang lapar, memberi rumah kepada yang tidak berumah, memberi pakaian kepada mereka yang telanjang, dan melegakan mereka yang sengsara. Kita menunjukkan kasih kita kepada Tuhan apabila kita membantu orang lain. Dia berfirman "Sesungguhnya segala sesuatu yang kamu lakukan untuk salah seorang dari saudara-Ku yang paling hina ini, kamu telah melakukannya untuk Aku" (Matius 25:40)

Berkongsikan Injil



Tuhan, melalui para nabi zaman akhir-Nya, telah mengajarkan bahawa setiap ahli Gereja mempunyai tanggungjawab untuk berkongsikan injil dengan orang lain.

“Dan adalah sepatutnya bagi setiap orang yang telah diperingatkan untuk memperingatkan sesamanya” (A&P 88:81). Alma, seorang nabi di dalam Kitab Mormon, menjelaskan bahawa apabila kita dibaptiskan kita seharusnya sanggup “untuk berdiri sebagai saksi bagi Tuhan di segala waktu dan dalam segala hal, dan di segala tempat” (Mosia 18:9).

Ahli ahli keluarga harus melakukan semua yang mereka mampu untuk membantu saudara-mara, rakan-rakan, dan jiran tetangga untuk belajar injil Yesus Kristus dan berkat-berkat yang ia akan bawakan ke dalam kehidupan mereka. Dengan berkongsi injil, ibu bapa dan anak-anak dapat menguatkan kesaksian mereka dan membawakan berkat injil kepada orang lain. Para keluarga boleh:

- Menjadi teladan yang baik dengan mematuhi semua perintah (lihat Matius 5:16).
- Bersyukur dengan keahlian mereka di dalam Gereja (Lihat Roma 1:16) dan membiarkan orang lain tahu mereka ialah ahli Gereja.
- Bertanya kepada kenalan-kenalan jika mereka mahu mengetahui lebih banyak lagi tentang Gereja.
- Bertanya kepada Tuhan untuk membantu mereka memilih sebuah keluarga atau seorang individu yang telah bersedia untuk mendengar injil.
- Perkenalkan keluarga atau individu tersebut kepada Gereja dengan sesuatu cara, seperti mengundang mereka ke malam keluarga atau ke pertemuan atau aktiviti Gereja, memberi mereka buku-buku Gereja atau risalah untuk

dibaca atau bercakap kepada mereka tentang berkat-berkat injil.

- Mengundang keluarga atau individu ke rumah mereka untuk diajar oleh para mubaligh.

Para ibu bapa mempunyai tanggungjawab untuk mempersiapkan diri dan anak-anak mereka untuk melayani misi sepenuh masa. Untuk mempersiapkan anak-anak, terutamanya anak-anak lelaki, ibu bapa harus mengajar injil di rumah, mengadakan pembacaan tulisan suci dan doa peribadi serta keluarga, dan selalu bercakap tentang tanggungjawab dan berkat-berkat berkongsi injil. Mereka boleh mengajar anak mereka untuk menabung untuk misi, bekerja keras, berdikari, dan menyayangi dan melayani orang lain.

Tatacara-tatacara Bait Suci bagi Orang yang Hidup dan Mati



Di bait suci, ahli-ahli Gereja yang layak menerima tatacara-tatacara kudus dan masuk ke dalam perjanjian dengan Tuhan. Mereka juga mengambil bahagian dalam pekerjaan tatacara bait suci untuk nenek moyang mereka yang sudah meninggal.

Di mana saja jika boleh, si ibu dan bapa masing-masing haruslah mendapatkan sijil rekomen bait suci daripada pemimpin imam mereka dan pergi ke bait suci untuk menerima tatacara-tatacara bait suci mereka sendiri. Jika mereka tidak dapat pergi ke bait suci, mereka harus hidup dengan layak untuk mendapatkan sijil rekomen bait suci.

Para keluarga mempunyai tanggungjawab yang kudus untuk memastikan bahawa tatacara bait suci dijalankan bagi nenek moyang mereka yang telah meninggal tanpa menerimanya. Ahli-ahli Gereja yang telah menerima tatacara mereka sendiri harus kembali ke bait suci selalu sekiranya masa, cara, dan keberadaan bait suci mengizinkan untuk melakukan tatacara-tatacara bagi nenek moyang mereka.

Para bapa dan ibu harus mengumpulkan rekod bertulis tentang peristiwa-peristiwa yang penting dalam kehidupan mereka dan kehidupan anak-anak mereka, termasuklah sijil-sijil pemberkatan, pembaptisan, pentahbisan, perkahwinan, dan kematian; surat-surat penting; foto; keratan berita; dan benda-benda yang serupa. Mereka harus menyusun sejarah peribadi mereka sendiri dan harus mendorong ahli keluarga yang lain untuk menyimpan sejarah peribadi. Mereka harus membantu anak-anak mereka yang masih muda untuk memulakan sejarah peribadi mereka.

Para keluarga harus mengumpulkan maklumat tentang nenek moyang mereka dan menyusunnya di dalam sejarah keluarga. Mereka harus mula dengan menyusun maklumat tentang empat generasi yang terkini.

Latihan Kepimpinan



Di bawah arahan para pemimpin pancang, misi, atau daerah, imam dan badan sokongan adalah untuk mengajar ibu bapa untuk memahami dan menjalankan tiga tanggungjawab keluarga yang asas (lihat muka surat 12–15). Para pemimpin harus mengajar para bapa dan ibu bagaimana untuk memimpin keluarga mereka. Jika sesebuah keluarga tinggal di kawasan yang terpencil, para pemimpin pancang, misi, atau daerah harus memastikan ibu bapa belajar dan memenuhi tanggungjawab mereka.

Mengadakan Upacara Penyembahan di Rumah (Bagi Keluarga yang Tinggal di Kawasan yang Terpencil)



Terdapat keluarga yang tinggal di kawasan-kawasan yang terpencil dan tidak dapat menghadiri pertemuan bahagian atau cabang selalu. *Dengan kebenaran dari presiden pancang, misi, atau daerah*, keluarga yang sebegitu harus mengadakan upacara penyembahan pada hari Ahad di rumah mereka. Di kawasan-kawasan yang tidak mempunyai unit Gereja, keluarga memerlukan kebenaran daripada Presiden Kawasan.

Bapa atau pemegang imamat yang lain boleh menyediakan dan memberkati sakramen jika dia layak, seorang imam di dalam Imamat Harun atau memegang Imamat Melkisedek, *dan mempunyai kebenaran daripada pemimpin imamatnya*. Sesiapapun pemegang imamat boleh menyerahkan sakramen. Arahan untuk menguruskan sakramen adalah pada muka surat 21–23 buku panduan ini.

Sebuah upacara penyembahan haruslah ringkas, takzim, dan penuh kehormatan. Ia boleh melibatkan:

1. Lagu rohani pembukaan
2. Doa Pembukaan
3. Pemberkatan dan penyerahan sakramen
4. Satu atau lebih daripada perkara berikut:
 - Satu atau dua khutbah yang pendek atau kesaksian
 - Pembacaan tulisan suci dan perbincangan keluarga
 - Sebuah pengajaran daripada salah seorang ahli keluarga
5. Lagu rohani penutup
6. Doa penutup

Dalam perancangan upacara penyembahan pada hari Ahad, ibu bapa harus mencari dan mengikuti bimbingan daripada roh Tuhan. Orang-orang dari Kitab Mormon memberikan contoh upacara sebegini: “Dan pertemuan-pertemuan mereka dipandu . . . menurut cara kerja Roh, dan melalui kuasa Roh Kudus; kerana seperti kuasa Roh Kudus menuntun mereka apakah untuk berkhotbah, atau untuk mengimbau, atau untuk berdoa, atau untuk memohon, atau untuk menyanyi, begitulah dilakukan.” (Moroni 6:9).

Keluarga harus menggunakan tulisan-tulisan suci sebagai bimbingan asas mereka. Sebagai tambahan, mereka boleh menggunakan pesanan-pesanan dari persidangan, *Asas-asas Injil, True to the Faith, For the Strength of Youth*, risalah-risalah mubaligh, majalah Gereja, dan bahan-bahan terbitan Gereja dan video yang lain.

Jika tidak ada seorang pun di dalam keluarga yang memegang imamat, bapa atau

ibu boleh mengumpulkan ahli keluarga untuk menyanyikan lagu rohani, mempelajari tulisan suci, berdoa, dan mendekati Bapa Syurgawi. Pemimpin imamat yang ditugaskan kepada keluarga harus mengatur peluang berkala untuk keluarga tersebut menerima sakramen.

Ibu bapa harus mempunyai aktiviti setiap hari, seperti mendaki, berkelah, menonton wayang yang baik, melawat saudara mara, bersukan, rancangan muzik, dan berenang.

Keluarga harus memberikan perpuluhan, sumbangan puasa, dan sumbangan yang lain kepada pemimpin imamat yang ditetapkan kepada mereka.

Keluarga tidak menyerahkan laporan bertulis kepada Gereja, tetapi pemimpin imamat mereka yang telah ditetapkan menemu duga si bapa selalu, untuk melaporkan tentang keluarganya. Jika diperlukan, para pemimpin boleh melakukan temu duga ini melalui telefon.

Tatacara-tatacara Imamat dan Pemberkatan



Tatacara imamat adalah upacara kudus yang diberikan Tuhan dan dilakukan dengan kewenangan imamat. Pemberkatan imamat diberikan melalui kewenangan imamat untuk penyembuhan, ketenangan dan dorongan. Para saudara yang melakukan tatacara dan pemberkatan harus menyediakan diri mereka dengan hidup menurut asas-asas injil dan berusaha untuk dibimbing oleh Roh Kudus. Mereka harus melakukan tatacara dan pemberkatan dengan penuh hormat dan menurut syarat-syarat berikut; tatacara tersebut haruslah:

1. Dilakukan di dalam nama Yesus Kristus.
2. Dilakukan oleh kewenangan imamat.
3. Dilakukan dengan cara yang ditetapkan, seperti menggunakan kata-kata yang

telah ditetapkan dan menggunakan minyak yang telah diberkati.

4. Dibenarkan oleh pemimpin imamat yang telah ditetapkan yang memegang kunci imamat, jika perlu.

Tatacara-tatacara yang memerlukan kebenaran daripada pemimpin imamat adalah penamaan dan pemberkatan anak-anak, melakukan pembaptisan dan penetapan, menganugerahkan imamat dan pentahbisan ke jawatan imamat, pemberkatan dan penyerahan sakramen, dan membaktikan kuburan.

Apabila beberapa saudara terlibat di dalam sebuah tatacara atau pemberkatan, setiap orang meletakkan tangan dengan lembut di atas bahu orang yang di sebelah kirinya. Amalan mengundang banyak pemegang imamat untuk membantu adalah tidak digalakkan.

Tatacara dan berkat-berkat yang dijelaskan di bahagian ini akan membantu para bapa untuk melayani sebagai bapa bangsa di dalam keluarga mereka.

Penamaan dan Pemberkatan Anak



“Setiap anggota gereja Kristus yang memiliki anak mesti membawa mereka kepada penatua di hadapan gereja, yang mesti meletakkan tangan mereka ke atas diri mereka dalam nama Yesus Kristus, dan memberkati mereka dalam nama-Nya” (A&P 20:70). Dengan mengikuti wahyu ini, hanya para lelaki yang layak dan memegang Imam Melkisedek boleh terlibat di dalam pemberkatan dan penamaan anak-anak. *Tatacara penamaan dan pemberkatan anak memerlukan kebenaran daripada pemimpin kewenangan yang mengetahui.*

Semasa memberkati seorang bayi, para lelaki yang memegang Imam Melkisedek berdiri di dalam bulatan dan memegang bayi itu di dalam tangan mereka. Apabila memberkati seorang kanak-kanak yang lebih besar, para pemegang imamat akan meletakkan tangan mereka dengan lembut

di atas kepalanya. Orang yang mengucapkan berkat itu:

1. Memanggil Bapa Syurgawi
2. Menyatakan bahawa berkat itu diberikan melalui kewenangan Imam Melkisedek.
3. Memberi nama kepada anak tersebut.
4. Mengucapkan berkat seperti yang diarahkan oleh Roh.
5. Tutup di dalam nama Yesus Kristus.

Pembaptisan



Di bawah arahan pemimpin kewenangan yang mengetahui, seorang imam atau lelaki yang memegang Imam Melkisedek boleh melakukan pembaptisan. Untuk melakukannya, dia:

1. Berdiri di dalam air dengan orang yang akan dibaptiskan.
2. Bagi kemudahan dan keselamatan, pegang pergelangan tangan kanan orang tersebut dengan tangan kiri; orang yang dibaptiskan pula memegang pergelangan tangan kiri pembaptis dengan tangan kirinya.

3. Mengangkat tangan kanannya ke udara (seperti mengangkat sumpah).
4. Menyebut nama penuh orang tersebut dan mengetakan, "Dengan kewenangan dari Yesus Kristus, aku membaptismu dalam nama Bapa, dan Putera, dan Roh Kudus. Amin" (A&P 20:73).
5. Pastikan orang itu menutup hidungnya dengan tangan kanan; pembaptis meletakkan tangan kanannya di bahagian belakang orang itu dan mencelupkan orang itu ke dalam air sepenuhnya termasuklah pakaiannya juga.
6. Bantulah orang itu untuk keluar dari air.

Dua orang imam atau lelaki yang memegang Imamat Melkisedek menyaksikan setiap pembaptisan untuk memastikan ia dilakukan dengan betul. Pembaptisan mesti diulang sekali lagi jika doa pembaptisan tidak disebut dengan tepat seperti yang diberikan dalam Ajaran dan Perjanjian 20:73 atau sebahagian badan atau pakaian orang itu tidak dicelup sepenuhnya ke dalam air. Orang yang dibaptiskan dan orang yang melakukan tatacara itu harus memakai pakaian putih yang tidak kejarangan apabila basah.

Penetapan

Penganut baru yang berusia sembilan atau lebih dan mereka yang berumur lapan tahun dimana ibu bapa mereka bukan ahli gereja ditetapkan di dalam pertemuan sakramen (lihat A&P 20:41). Kanak-kanak berusia lapan tahun boleh ditetapkan serta-merta selepas pembaptisan di tempat pembaptisan jika sekurang-kurangnya salah seorang ibu bapa adalah ahli Gereja dan kedua-duanya mengizinkan pembaptisan dan penetapan tersebut. *Di bawah*

arahan Uskup atau Presiden cabang, satu atau lebih lelaki yang memegang Imamat Melkisedek boleh melakukan tatacara ini. Mereka meletakkan tangan mereka dengan lembut ke atas kepala orang itu. Orang yang melakukan tatacara ini:

1. Menyebut nama penuh orang tersebut.
2. Menyatakan bahawa tatacara itu dilakukan melalui kewenangan Imamat Melkisedek.
3. Menetapkan orang itu sebagai ahli Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir.
4. Memberikan kurnia Roh Kudus dengan mengatakan, "Terimalah Roh Kudus."
5. Mengucapkan berkat imamat seperti yang diarahkan oleh Roh.
6. Tutup di dalam nama Yesus Kristus.



Menganugerahkan Imamat dan Menahbiskan ke dalam Jawatan Imamat



Uskup atau presiden cabang menyelia penganugerahan Imamat Harun dan pentahbisan ke dalam jawatan diaken, pengajar dan imam. Sebelum seseorang itu ditahbiskan ke dalam jawatan Imamat Harun, dia mesti ditemu duga oleh uskup atau presiden cabang dan diakui layak. Dia juga mesti disokong di dalam pertemuan sakramen. Dengan kebenaran daripada uskup atau presiden cabang, seorang imam boleh menganugerahkan Imamat Harun kepada orang lain dan menahbiskan dia ke dalam salah satu jawatan Imamat Harun.

Presiden pancang atau misi menyelia penganugerahan Imamat Melkisedek dan pentahbisan ke dalam jawatan penatua dan imam tinggi.

Untuk menganugerahkan imam atau menahbiskan seseorang ke dalam satu jawatan imam, seorang atau lebih pemegang imam yang sesuai dan yang telah dibenarkan oleh pemimpin kewenangan yang mengetuai, meletakkan tangan mereka dengan lembut ke atas kepala orang tersebut. Orang yang melakukan tatacara ini:

1. Memanggil nama penuh orang tersebut.
2. Menyatakan kewenangan (Imamat Harun atau Melkisedek) yang digunakan bagi melakukan pentahbisan tersebut.
3. Menganugerahkan Imamat Harun atau Melkisedek, kecuali jika ia telah dilakukan sebelum ini.
4. Menahbiskan seseorang ke dalam jawatan Imamat Harun atau Melkisedek dan memberikan hak, kuasa, dan kewenangan jawatan tersebut.
5. Mengucapkan sebuah berkat seperti yang diarahkan oleh Roh.
6. Tutup di dalam nama Yesus Kristus.

Sakramen



Sakramen adalah tatacara yang sangat kudus. Mengambil sakramen menyediakan peluang untuk mengingati kehidupan, ajaran dan Korban Tebusan Yesus Kristus. Ia adalah masa untuk memperbaharui perjanjian yang dibuat kepada Tuhan semasa pembaptisan (lihat Mosia 18: 8–10).

Para pengajar dan imam boleh menyediakan sakramen; imam boleh memberkatinya; dan para diaken, pengajar dan imam boleh menyerahkannya. Para saudara yang memegang Imamat Melkisedek

boleh menyediakan, memberkati, dan menyerahkan sakramen tetapi ianya hanya dilakukan jika hanya sedikit sahaja para pemegang Imamat Harun yang ada. Jika seseorang itu telah melakukan dosa yang serius, dia tidak harus menyediakan, memberkati, atau menyerahkan sakramen sehinggalah dia telah bertaubat dan menyelesaikan masalah itu dengan uskup atau presiden cabang.

Mereka yang menyediakan, memberkati, atau menyerahkan sakramen, menguruskan tatacara ini untuk orang lain bagi pihak Tuhan. Setiap orang yang memegang imamat harus melakukan tugas ini dengan sikap bersungguh-sungguh, dengan ketakziman. Dia haruslah berpakaian kemas, bersih dan sopan. Penampilan diri harus menunjukkan kekudusan tatacara tersebut.

Para saudara yang menyediakan sakramen harus melakukannya sebelum pertemuan bermula. Mereka meletakkan roti yang belum dipecahkan di atas dulang roti dan meletakkan dulang cawan sakramen yang mengandungi air segar di atas meja sakramen. Mereka menutupi roti dan air dengan kain yang putih dan bersih.

Semasa nyanyian lagu sakramen, mereka yang berada di meja sakramen akan mengalihkan kain yang menutupi roti dan memecah-mecahkan roti menjadi cebisan kecil. Selepas lagu itu, orang yang memberkati sakramen akan berlutut dan mengucapkan doa sakramen untuk roti. Para saudara kemudiannya menyerahkan roti itu kepada mereka yang hadir dengan penuh takzim dan teratur. Pemimpin kewenangan yang mengetuai pertemuan itu menerima sakramen terlebih dahulu. Apabila semua yang hadir telah mengambil roti tersebut, mereka yang

menyerahkannya akan mengembalikan dulang-dulang roti ke meja sakramen. Mereka yang memberkati sakramen akan menutup dulang dengan kain sekali lagi sebaik sahaja roti telah selesai diserahkan.

Mereka yang berada di meja sakramen akan mengalihkan kain yang menutupi dulang air. Orang yang memberkati air akan melutut dan mengucapkan doa sakramen untuk air. Para saudara kemudian menyerahkan air kepada semua yang hadir. Dulang-dulang itu dikembalikan ke meja sakramen dan ditutup semula dengan kain. Para saudara yang memberkati dan menyerahkan sakramen kemudiannya kembali ke tempat duduk mereka di kalangan para jemaah gereja.

Sakramen adalah untuk semua ahli Gereja, termasuklah kanak-kanak. Orang yang mengacarakan pertemuan ini tidak seharusnya mengumumkan bahawa ia hanya diberikan kepada ahli gereja sahaja; tiada apa-apa yang harus dilakukan untuk menghalang mereka yang bukan ahli gereja untuk mengambilnya.

Doa sakramen haruslah diucapkan dengan jelas, tepat, dan penuh hormat. Jika orang yang memberkati sakramen tersilap menyebutnya dan tidak memperbetulkannya sendiri, uskup atau presiden cabang akan menyuruhnya mengulang semula doa tersebut dengan betul.

Berikut adalah doa untuk roti:

“Ya Tuhan, Bapa Yang Abadi, kami mohon kepada-Mu dalam nama Putera-Mu, Yesus Kristus, untuk memberkati dan menguduskan roti ini bagi jiwa mereka semua yang mengambilnya, agar mereka boleh makan sebagai peringatan akan tubuh Putera-Mu, dan bersaksi kepada-Mu, ya Tuhan, Bapa

Yang Abadi, bahawa mereka bersedia mengambil ke atas diri mereka nama Putera-Mu, dan selalu mengingati-Nya, dan taat kepada perintah-perintah-Nya yang tela Dia berikan kepada mereka, agar mereka boleh selalu memiliki Roh-Nya bersama mereka. Amin." (A&P 20:77 dan Moroni 4).

Berikut adalah doa untuk air:

"Ya Tuhan, Bapa Yang Abadi, kami mohon kepada-Mu, dalam nama Putera-Mu, Yesus Kristus, untuk memberkati dan menguduskan air ini bagi jiwa mereka semua yang meminumnya, agar mereka boleh melakukannya sebagai peringatan akan darah Putera-Mu, yang ditumpahkan untuk mereka; agar mereka boleh bersaksi kepada-Mu, ya Tuhan, Bapa Yang Abadi, bahawa mereka selalu mengingati-Nya, agar mereka boleh memiliki Roh-Nya bersama mereka. Amin." (A&P 20:79 dan Moroni 5).

Sakramen harus dibersihkan dari meja dengan segera selepas pertemuan itu. Baki roti yang tinggal boleh dijadikan makanan.

Pemberkatan dan penyerahan sakramen memerlukan kebenaran daripada pemimpin kewenangan yang mengetahui.

Membaktikan Minyak

Seorang lelaki (atau lebih) yang memegang Imamat Melkisedek memberkati minyak zaitun yang suci untuk tujuan kudusnya bagi memberkati yang sakit atau sengsara. Orang yang memberkati minyak:

1. Memegang sebuah bekas mengandungi minyak zaitun yang terbuka.
2. Memanggil Bapa Syurgawi.
3. Menyatakan bahawa dia bertindak dengan kewenangan Imamat Melkisedek.

4. Memberkati minyak (bukan bekas itu) dan menetakannya untuk disapukan kepada yang sakit dan sengsara.
5. Tutup di dalam nama Yesus Kristus.

Memberkati orang Sakit



Hanya lelaki yang memegang Imamat Melkisedek boleh memberkati orang yang sakit atau sengsara. Kebiasaannya, dua atau lebih akan melakukannya, tetapi seorang pun boleh melakukannya. Jika minyak yang telah diberkati tidak ada, seorang lelaki yang memegang Imamat Melkisedek boleh memberi berkat melalui kewenangan imamat.

Seorang bapa yang memegang Imamat Melkisedek haruslah memberkati ahli-ahli keluarganya yang sakit. Dia boleh meminta seorang lelaki lain yang memegang Imamat Melkisedek untuk membantunya.

Memberkati orang sakit mempunyai dua bahagian: (1) menyapu dengan minyak dan (2) memeteraikan penyapuan tersebut.

Menyapu dengan Minyak

Seorang lelaki yang memegang Imamat Melkisedek menyapu minyak kepada orang yang sakit. Untuk melakukannya, dia:

1. Menitiskan setitis minyak yang telah diberkati di atas kepala orang tersebut.
2. Meletakkan tangannya dengan lembut di atas kepala orang tersebut dan memanggilnya dengan nama penuh.
3. Menyatakan bahawa dia menyapukan orang itu dengan minyak melalui kuasa Imamat Melkisedek.
4. Menyatakan bahawa dia menyapukan dengan minyak yang telah diberkati untuk memberkati orang yang sakit dan sengsara.
5. Tutup di dalam nama Yesus Kristus.

Memeteraikan Penyapuan Minyak

Kebiasaannya, dua atau lebih lelaki yang memegang Imamat Melkisedek akan meletakkan tangan mereka dengan lembut ke atas kepala orang yang sakit. Salah seorang lelaki itu akan memeteraikan penyapuan tersebut. Untuk melakukannya, dia:

1. Memanggil orang itu dengan nama penuhnya.
2. Menyatakan bahawa dia memeteraikan penyapuan itu melalui kuasa Imamat Melkisedek.
3. Mengucapkan sebuah berkat seperti yang diarahkan oleh Roh.
4. Tutup di dalam nama Yesus Kristus.

Pemberkatan Bapa dan Berkat-berkat lain untuk Ketenangan dan Bimbingan



Berkat daripada bapa dan berkat-berkat imam yang lain diberikan untuk menyediakan bimbingan dan ketenangan seperti yang dibimbing oleh roh.

Seorang bapa yang memegang Imamat Melkisedek boleh memberikan berkat daripada seorang bapa kepada anak-anaknya. Berkat seperti ini boleh membantu terutamanya apabila anak-anak meninggalkan rumah, seperti pergi bersekolah atau misi, atau apabila mereka memulakan pekerjaan, berkahwin, memasuki khidmat ketenteraan, atau menghadapi cabaran peribadi yang luar biasa. Berkat-berkat ini boleh menjadi kekuatan kepada sesebuah keluarga. Keluarga boleh merakam berkat daripada bapa untuk rekod simpanan keluarga, tetapi tidak akan disimpan sebagai rekod Gereja. Ibu bapa harus menggalakkan anak-anak untuk meminta berkat daripada bapa mereka apabila diperlukan.

Para lelaki yang layak yang memegang Imamat Melkisedek juga boleh

memberikan berkat untuk ketenangan dan bimbingan kepada isteri mereka, ahli keluarga terdekat, dan orang lain yang memintanya.

Untuk memberikan berkat daripada seorang bapa atau berkat-berkat lain untuk ketenangan dan bimbingan, seorang lelaki yang memegang Imamat Melkisedek, sama ada seorang diri atau bersama dengan seorang atau lebih lelaki yang memegang Imamat Melkisedek, meletakkan tangannya dengan lembut ke atas kepala orang yang menerima berkat tersebut. Minyak tidak diperlukan untuk berkat seperti ini. Orang yang memberikan berkat:

1. Memanggil orang itu dengan nama penuhnya.
2. Menyatakan bahawa dia memberikan berkat itu melalui kuasa Imamat Melkisedek.
3. Mengucapkan sebuah berkat seperti yang diarahkan oleh Roh.
4. Tutup di dalam nama Yesus Kristus.

Membaktikan Kuburan

Orang yang membaktikan sebuah kuburan mesti memegang Imamat Melkisedek dan *mesti dibenarkan oleh pemimpin imamat yang mengacarakan upacara tersebut.*

Untuk membaktikan sebuah kuburan, dia:

1. Memanggil Bapa Syurgawi.
2. Menyatakan bahawa dia membaktikan kuburan itu melalui kuasa Imamat Melkisedek.
3. Membaktikan dan memberkati kawasan pengebumian sebagai tempat pengistirahatan bagi tubuh si mati.
4. Jika sesuai, berdoalah agar tempat itu akan ditahbiskan dan dilindungi sehingga Kebangkitan.
5. Mintalah Tuhan untuk menenangkan keluarga si mati dan luahkan apa yang diarahkan oleh Roh.
6. Tutup di dalam nama Yesus Kristus.

Jika keluarga si mati mahu, seseorang (sebaik-baiknya seorang lelaki yang memegang Imamat Melkisedek) boleh mengucapkan doa pengebumian berbanding doa penyucian.

Memperolehi Bahan-bahan Gereja dan Menempatkan maklumat tentang Sejarah Keluarga

Para pemimpin tempatan dan ahli lain boleh memperoleh bahan-bahan Gereja, termasuk kitab-kitab suci, kursus pengajian, majalah Gereja, pakaian suci, dan pakaian bait suci, dari pusat pengedaran Gereja atau pusat perkhidmatan, dari Salt

Lake Distribution Center, atau melalui laman web internet Gereja, www.lds.org.

Maklumat tentang kerja sejarah keluarga sedia ada pada laman web internet sejarah keluarga, www.familysearch.org.

GEREJA
YESUS KRISTUS
ORANG SUCI
ZAMAN AKHIR

